

Kehamilan berisiko tinggi

Mengancam nyawa dan mencabar kecekapan ahli obstetrik

KEHAMILAN merupakan satu fenomena semula jadi yang paling menggembirakan bagi setiap pasangan suami dan isteri.

Selain bakal bergelar ibu dan bapa, kehadiran bayi yang comel pastinya menceriakan lagi hubungan pasangan suami isteri.

Namun, tidak semua kehamilan akan melalui jangka waktu seperti yang diharapkan kerana sepanjang tempoh tersebut pelbagai perkara boleh berlaku.

Ini kerana sepanjang tempoh kehamilan, pelbagai masalah yang dihadapi oleh ibu mengandung seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, masalah uri, dan sebagainya.

Menurut Perunding Kanan, Jabatan Obstetrik & Ginekologi, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), **Professor Dr. Zaleha Abdullah Mahdy**, sekiranya ibu mengandung mengalami masalah, sepanjang proses kehamilan sehinggalah kelahiran bayi dan berakhirnya tempoh pantang, nyawa seseorang ibu itu ibarat telur di hujung tanduk.

Tambah beliau, hal ini terjadi kerana terdapatnya pelbagai masalah yang boleh berlaku sepanjang perjalanan satu-satu kehamilan, seperti dari awal kehamilan lagi. Caran ibu mudah membu dan timbul risiko salur darah tersumbat yang boleh merembak ke paru-paru, dikenali sebagai tromboembolisme yang boleh maut.

"Mengikut statistik kematian ibu bersalin di Malaysia bagi tahun 2006 hingga 2008, antara penyebab utama adalah penyakit kronik sedia ada dan tekanan darah tinggi semasa hamil.

"Dalam banyak keadaan, kehamilan memberi impak negatif kepada penyakit

sihat

Oleh **MARIATUL QATIAH ZAKARIA**
maria.zakaria@utusan.com.my



kronik yang sedia ada pada ibu sama ada dari segi menambah teruk penyakit akibat perubahan-perubahan yang berlaku pada fungsi tubuh semasa hamil atau menjadi penghalang kepada rawatan kerana memberi kesan sampingan serius ke atas janin.

"Pada masa yang sama faktor-faktor lain seperti umur dan kehamilan melebihi lima kali juga meningkatkan risiko berlakunya kematian atau kemudaratan pada ibu hamil. Apa yang berlaku ini dinamakan kehamilan berisiko tinggi," ujarnya ketika menyampaikan syarahan Kehamilan Berisiko Tinggi dan Isu Etika Perubatan, di PPUKM Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mengulas lebih lanjut mengenai kehamilan berisiko tinggi, Dr. Zaleha berkata, masalah tersebut merujuk

kepada kehamilan bermasalah yang boleh membawa kepada risiko kematian atau kemudaratan lebih tinggi kepada ibu dan bayi atau salah seorang berbanding kehamilan biasa.

Ujar beliau lagi, masalah tersebut akan menjadi konflik yang sangat ketara kerana risiko yang dihadapi oleh kedua-dua ibu dan janin adalah tinggi.

Kadaan itu menimbulkan dilema bukan sahaja kepada bakal ibu bapa dan keluarga mereka, tetapi juga pasukan perubatan terutamanya pakar atau ahli obstetrik yang mengendalikan kes tersebut.

Untuk itu, Dr. Zaleha menjelaskan, pengendalian kehamilan berisiko tinggi pada peringkat klinikal memerlukan pengetahuan terkini yang tinggi, kemahiran, ketelitian, dan prinsip etika yang kukuh.

Ini bagi membantu mereka mengendalikan dilema klinikal serta kegunaan psikologi dan emosi pesakit

Pada masa yang sama faktor-faktor lain seperti umur dan kehamilan melebihi lima kali juga meningkatkan risiko berlakunya kematian atau kemudaratan pada ibu hamil. Apa yang berlaku ini dinamakan kehamilan berisiko tinggi."

serta keluarganya.

"Keputusan yang sukar terutama dalam mengendalikan kehamilan berisiko tinggi adalah konflik ibu dan janin serta keluarga, boleh dilihat dalam banyak senario kehamilan berisiko tinggi yang melibatkan kes-kes hipertensi, rencatan tumberasan janin, diabetes mellitus, penyakit jantung, autoimun, kelahiran prematur, pendarahan obstetrik, kedudukan janin songang, pembedahan caesarean, kelahiran menggunakan peralatan, dan sebagainya.

"Keputusan yang perlu dibuat pastinya mencabar kebijaksanaan dan pertimbangan pakar obstetrik yang terlibat agar tidak merusunkan pesakit dan keluarganya, serta memerlukan panduan etika dan kerohanian.

"Pengalaman mengendalikan kes-kes sebegini dan perkongsian dengan mereka yang berkecimpung dalam bidang yang sama merupakan satu perjalanan yang memperkayakan ilmu serta menyediakan koleksi kes-kes terdahulu sebagai panduan pengendalian kes pada masa hadapan," katanya.

Memandangkan isu etika begitu rumit dikekalkan, sudah tentu langkah yang lebih baik adalah mencegah masalah-masalah ini daripada berlaku.

Untuk itu, Dr. Zaleha menyarankan semu pihak agar melakukan persediaan sebelum hamil yang melibatkan pemeriksaan perubatan, iaitu *preconceptional counseling*.

Pemeriksaan ini penting terutama kepada mereka yang mempunyai masalah kesihatan kronik seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung, obesiti, dan sebagainya.

Selain itu, untuk mengurangkan risiko menghadapi *preeklampsia* (kenaikan tekanan darah), pasangan yang baharu berumah tangga digalakkan menunda kehamilan selama enam bulan pertama,

LAWATAN ke klinik antenatal lebih kerap dilakukan pada peringkat awal kehamilan untuk tujuan saringan. - GAMBAR HIASAN



KELAHIRAN prematur adalah antara kesan daripada kehamilan berisiko tinggi.



manakala untuk ibu yang obes pula dinasihatkan agar menurunkan berat badan terlebih dahulu.

Pada masa yang sama, pengambilan pemakanan yang baik mengandungi khasiat seperti asid folik, kalsium, vitamin D, dan lain-lain lagi sangat digalakkan untuk mencegah komplikasi sama ada kecacatan bayi atau masalah kepada ibu.

Paling penting, ujar Dr. Zaleha, lawatan ke klinik dalam beberapa bulan pertama semasa hamil untuk mengesan berbagai kecacatan pada peringkat awal kehamilan.

"Hari ini banyak ibu yang masih terpengaruh dengan anggapan salah bahawa lawatan ke klinik antenatal patut ditunda sehingga melebihi lima bulan hamil. Ini sebenarnya salah dengan amalan penjagaan kesihatan yang baik.

"Mengikut pendapat terkini disarankan agar lawatan yang lebih kerap dilakukan pada peringkat awal kehamilan untuk tujuan saringan bagi menilai tinggi atau rendah risiko seseorang ibu akan menghadapi masalah di akhir kehamilan.

"Yang pasti, pencegahan lebih baik daripada mengendalikan masalah yang telah berlaku. Tumpuan seharusnya diberikan melalui sistem penjagaan kesihatan ibu dengan pelbagai langkah diambil untuk mengenal pasti risiko yang dihadapi dan pengendaliannya bagi memperbaiki indeks penjagaan kesihatan ibu," katanya.

Gambar **FARIZ RUSADIO**
Reka bentuk **MARLINA ZAKARIA**

AMALAN pemakanan yang sihat disarankan kepada ibu hamil.

